



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

DASHBOARD MYSUBNASIONAL

**MYSUBNASIONAL: PLATFORM STATISTIK SUBNASIONAL
GENERASI BAHARU UNTUK MERAKYATKAN STATISTIK DAN
MEMPERKASA KEPUTUSAN BERASASKAN DATA**

PUTRAJAYA, 6 JULAI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) terus memperkukuh agenda merakmatkan data melalui statistik melalui pembangunan Dashboard MySubNasional, iaitu platform statistik subnasional yang ditambah baik daripada platform KAWASANKU yang telah diperkenalkan pada tahun 2022 sebagai platform data terbuka generasi baharu bagi mendekatkan statistik dengan rakyat.

Selaras dengan aspirasi DOSM untuk merakmatkan statistik, MySubNasional dibangunkan bagi menyediakan akses yang lebih mudah, pantas dan mesra pengguna kepada data serta indikator sosioekonomi di pelbagai peringkat geografi. Platform ini membolehkan pengguna memahami situasi semasa sesuatu kawasan dengan lebih komprehensif melalui penyampaian data yang lebih interaktif, tersusun, mudah difahami, mesra pengguna dan berimpak tinggi.

MySubNasional merupakan dashboard versi terkini yang menampilkan penambahbaikan menyeluruh dari aspek *User Interface* (UI) dan *User Experience* (UX). Paparan baharu yang lebih intuitif membolehkan pengguna navigasi maklumat dengan lebih mudah, sekaligus mempercepat proses carian dan penerokaan data serta analisis data.

Antara penambahbaikan utama yang diperkenalkan ialah penggunaan *KPI Card* yang menonjolkan statistik utama secara lebih jelas dan menarik, membolehkan pengguna memperoleh gambaran keseluruhan sesuatu kawasan dengan pantas secara sekali imbas sebelum meneroka analisis yang lebih mendalam. Selain itu, data dipersembahkan mengikut tema dan kategori utama profil sosioekonomi, membolehkan pengguna memperoleh gambaran lebih jelas dan berfokus berdasarkan bidang yang diminati seperti demografi, sosial, ekonomi dan indikator-indikator berkaitan.

Bagi memperkaya keupayaan analitik, MySubNasional turut memperkenalkan beberapa ciri baharu yang belum tersedia pada platform terdahulu. Antara ciri tersebut ialah analisis kedudukan tertinggi dan terendah (*ranking analysis*), yang

membolehkan pengguna mengenal pasti prestasi sesuatu kawasan secara serta-merta. Pengguna juga boleh membuat perbandingan secara langsung antara kawasan bagi membantu penilaian dan pemantauan prestasi berdasarkan indikator yang dipilih.

Seiring dengan perkembangan penggunaan teknologi digital masa kini, MySubNasional dibangunkan dengan keupayaan *mobile responsive*, membolehkan capaian dan paparan data yang optimum melalui telefon pintar, tablet mahupun komputer. Pendekatan ini memastikan statistik dapat diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Dari aspek visualisasi, MySubNasional menawarkan paparan lebih moden, menarik dan interaktif. Penyampaian data bukan sahaja berbentuk grafik dan carta yang lebih estetik, malah turut dilengkapi dengan elemen penceritaan data (*data storytelling*) bagi membantu pengguna memahami konteks, mesej dan interpretasi statistik yang disampaikan.

Keunikan MySubNasional terletak pada keupayaannya menyampaikan naratif statistik secara berhierarki bermula dari peringkat Malaysia, Negeri, Daerah, Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Pendekatan ini membolehkan pengguna menelusuri data secara lebih mendalam serta memahami kedudukan dan prestasi sesuatu kawasan dalam konteks yang lebih luas dan terangkum.

MySubNasional dibangunkan sepenuhnya menggunakan kepakaran dalaman DOSM melalui usaha menyatukan kepakaran pegawai statistik dan pegawai teknologi maklumat jabatan dalam menghasilkan penyelesaian digital yang inovatif, kos efektif dan berimpak tinggi kepada rakyat serta pembuat dasar.

Pada masa ini, MySubNasional sedang berada di peringkat *Proof of Concept* (PoC) bagi tujuan penilaian dan pengukuhan fungsi sebelum dilaksanakan sepenuhnya. Insya-Allah, capaian umum kepada platform ini dijangka dapat dibuka kepada orang ramai pada hujung bulan ini.


Melalui pembangunan Dashboard MySubNasional, DOSM komited untuk terus memperluas akses kepada statistik rasmi negara, memperkukuh budaya berasaskan data serta membantu pelbagai pihak membuat keputusan yang lebih tepat, berkesan dan berpanduan bukti demi kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Paparan 1: Dashboard MySubNasional



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
6 JULAI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MYSUBNATIONAL DASHBOARD

MYSUBNASIONAL: A NEXT-GENERATION SUBNATIONAL STATISTICS PLATFORM TO ENHANCE ACCESS TO STATISTICS AND EMPOWER DATA-DRIVEN DECISION-MAKING

PUTRAJAYA, 6TH JULY 2025 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) continues to strengthen its agenda of democratising data through statistics with the development of the MySubNasional Dashboard, a subnational statistics platform enhanced from the KAWASANKU platform, which was introduced in 2022 as a next-generation open data platform aimed at bringing statistics closer to the people.

In line with DOSM's aspiration to democratise statistics, MySubNasional has been developed to provide easier, faster and more user-friendly access to data and socio-economic indicators across various geographical levels. The platform enables users to gain a more comprehensive understanding of the current situation of a particular area through a more interactive, well-structured, easy-to-understand and high-impact presentation of data.

MySubNasional is the latest version of the dashboard, featuring comprehensive improvements in both User Interface (UI) and User Experience (UX). Its newly enhanced and intuitive layout allows users to navigate information more efficiently, thereby accelerating data discovery, exploration and analysis.

Among the key enhancements introduced is the use of KPI Cards, which highlight key statistics in a clearer and more engaging manner. This enables users to obtain a quick overview of an area at a glance before delving into more detailed analysis. In addition, data are presented according to major socio-economic profile themes and categories, allowing users to gain clearer and more focused insights based on areas of interest such as demographics, social statistics, the economy and related indicators.

To further strengthen analytical capabilities, MySubNasional introduces several new features that were not available on the previous platform. These include ranking analysis, which enables users to identify the highest- and lowest-performing areas instantly. Users can also perform direct comparisons between areas to support evaluation and performance monitoring based on selected indicators.

In line with the growing adoption of digital technologies, MySubNasional has been developed with mobile-responsive capabilities, ensuring optimal access and data visualisation via smartphones, tablets and desktop computers. This approach ensures that statistics can be accessed anytime and anywhere.

From a visualisation perspective, MySubNasional offers a more modern, engaging and interactive display. Data are presented not only through aesthetically enhanced charts and graphs but are also complemented by data storytelling elements to help users understand the context, key messages and interpretations of the statistics presented.

The uniqueness of MySubNasional lies in its ability to deliver statistical narratives hierarchically, beginning at the Malaysia, State, District, Parliamentary Constituency, and State Legislative Assembly (DUN) levels. This approach allows users to explore data in greater depth and better understand the position and performance of a particular area within a broader and more inclusive context.

MySubNasional was developed entirely using DOSM's in-house expertise, bringing together the capabilities of statistical officers and information technology officers to produce an innovative, cost-effective and high-impact digital solution for the public and policymakers.

At present, MySubNasional is in the Proof of Concept (PoC) stage for evaluation and functional enhancement prior to full implementation. Insha-Allah, public access to the platform is expected to be made available by the end of this month.


Through the development of the MySubNasional Dashboard, DOSM remains committed to expanding access to Malaysia's official statistics, strengthening a data-driven culture, and supporting stakeholders in making more accurate, effective and evidence-based decisions for the well-being of the people and the nation's development.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Exhibit 1: MySubnasional Dashboard



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
6 JULY 2026